

01/09/1999

MIC terima 20,000 ahli baru

Minarni Mat Saad

SHAH ALAM, Selasa - MIC hari ini menerima masuk 20,000 ahli baru, kebanyakannya bekas ahli Parti Progresif Rakyat Malaysia (PPP) dari Selangor, Kedah dan Melaka.

Selain itu, MIC juga menjangka menerima masuk kira-kira 24,000 ahli baru lagi, membabitkan bekas ahli PPP dan Barisan Kemajuan India SeMalaysia (IPF), menjelang akhir tahun ini.

Berucap di majlis penerimaan 20,000 borang permohonan baru di Stadium Melawati di sini hari ini, Presiden MIC, Datuk Seri S Samy Vellu, berkata ini adalah penghijrahan terbesar dalam sehari dari satu parti ke parti lain di Malaysia.

Beliau menyifatkan pemilihan MIC dan bukan pembangkang membuktikan bahawa MIC adalah satu-satunya parti yang mendapat kepercayaan masyarakat India di negara ini.

"Ini adalah bukti dan keyakinan bahawa MIC adalah parti yang berkhidmat untuk memajukan kualiti hidup masyarakat India di Malaysia serta berjaya dalam tugas memenuhi aspirasi kaum itu.

"Kita juga sudah mengedarkan lebih 200,000 borang permohonan menjadi ahli MIC di seluruh negara yang dijangka akan dikembalikan dalam tempoh dua atau tiga minggu lagi.

"Bekas ahli PPP dan IPF yang memilih MIC atau parti komponen Barisan Nasional (BN) lain telah membuat pilihan yang bijak iaitu memilih parti yang akan menyatukan mereka.

"Saya tidak mahu masyarakat keturunan India berpecah sebaliknya MIC mahu masyarakat India di negara ini mempunyai satu suara saja yang bersatu memberi sokongan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad," katanya.

Di majlis itu, kotak berisi 20,000 borang permohonan menjadi ahli MIC daripada bekas ahli PPP dari Selangor, Kedah dan Melaka diserahkan kepada Samy Vellu oleh bekas Pengerusi PPP Selangor, Alex Thiagarasan.

Berikutan permohonan baru itu, Samy Vellu mengumumkan ahli MIC kini mencapai 530,500 orang dengan 4,250 cawangan di seluruh negara.

"Dalam sejarah inilah kali pertama kumpulan masyarakat terbesar dalam satu parti bertukar parti menyertai MIC dan kita menjangkakan menerima 24,000 ahli lagi dari seluruh negara melalui Thiagarasan," katanya.

Menurutnya, setakat ini seramai 4,000 bekas ahli IPF sudah menyertai MIC dan dijangka bertambah kepada kira-kira 8,000 orang tidak lama lagi.

Beliau berkata, bekas ahli PPP dan IPF yang menyertai MIC juga akan menikmati keistimewaan seperti ahli MIC lain dan mereka boleh bertanding jawatan di peringkat bawah hinggalah ke peringkat Presiden.

"Mereka bukan hanya ahli biasa tetapi boleh mengambil bahagian dalam apa juga aktiviti, termasuk bertemu rakyat dan berkhidmat kepada masyarakat," katanya.

Untuk memenuhi keperluan ahli baru itu, MIC juga menubuhkan 280 cawangan baru di Selangor, Kedah, Pulau Pinang dan Melaka.

"Penubuhan cawangan baru ini bertujuan memberi peluang kepada mereka untuk meneruskan tugas dan khidmat di cawangan sendiri. Langkah ini lebih baik daripada memasukkan mereka ke dalam cawangan sedia ada kerana bekas ahli PPP dan IPF boleh berdikari dan membuktikan keupayaan mereka sebagai pemimpin," katanya.

(END)